



SEORANG anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) memerhatikan keadaan sebuah rumah yang telah dinaiki air akibat banjir kilat di Kuala Kangsar semalam.



SEBUAH stesen minyak terjejas ekoran banjir kilat di Gerik semalam.

Beberapa daerah di Perak terjejas akibat banjir kilat

Oleh SAHLIZAH MOHAMED

IPOH – Hujan lebat di negeri ini awal pagi semalam menyebabkan kawasan penempatan penduduk di beberapa buah daerah dinaiki air akibat banjir kilat.

Beberapa buah kampung di daerah Hulu Perak dinaiki air termasuk laluan utama di Jalan Gerik-Baling yang turut terjejas ekoran air hujan yang tidak dapat mengalir dengan baik.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri, Mohd. Noor Hassan Ashari berkata, antara kawasan penempatan penduduk yang dinaiki air ialah Kampung Kerunai, Kampung Padang, Kampung Ramasamy, Taman Permai, Taman Desa Kasih, Taman Air Sudah 1 dan 2.

“Paras air naik lebih kurang 1.2 meter. Satu pusat pemindahan dibuka di Dewan Orang Ramai Gerik yang kini menempatkan tujuh keluarga terdiri daripada 19 mangsa. Bagaimanapun semua mangsa telah pulang ke rumah masing-masing selepas pusat pemindahan ditutup pada pukul 1.40 petang.

“Pemantauan berkala terus dijalankan setiap empat jam oleh agensi terlibat seperti bomba dan Angkatan Pertahanan Awam (APM),” katanya.

Menurut Mohd. Noor, banjir kilat disebabkan oleh hujan yang turun sejak tengah malam sebelum air mulai naik sekitar antara pukul 3 ke 5 pagi.

Dalam pada itu, daerah lain yang turut terjejas ialah Kuala Kangsar melibatkan tujuh buah

rumah di Kampung Kati dan Kampung Bendang Ujib dan di Tanjung Tualang. Kinta melibatkan Kampung Batu 3 di bawah Mukim Tanjung Tualang.

Pada masa yang sama, air masih bertakung selepas selepas hujan lebat tiga ke empat hari lalu di 10 buah kampung di bawah Mukim Rungkup dan Mukim Bagan Datoh.

Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Sungai Nipah Darat, Kampung Rungkup Kecil, Kampung Simpang Tiga, Kampung Pasang Api, Kampung Matang Kunda dan Kampung Sungai Balai Darat.

“Air melimpah di halaman rumah penduduk dengan paras kenaikan lebih kurang 0.3 meter. Bagaimanapun tiada pusat pemindahan yang dibuka,” katanya.